

PENDAPATAN PENCEN



LHDNM-R/009/10

Bersama Membangun Negara



Azman Ali
Caw Miri

Pengenalan

Pencen ialah bayaran yang diterima oleh pesara

Kategori Pencen

- Capai umur persaraan
- Disebabkan keuzuran/sakit
- Meninggal dunia: pencen diterima oleh balu, anak atau saudara tanggungan

Pencen Yang Dikenakan Cukai

- Daripada tabung pencen yang tidak diluluskan
- Menerima lebih daripada satu pencen
- Bersara sebelum mencapai umur persaraan wajib

Kelayakan dan Syarat Pencen yang Dikecualikan Cukai

	KELAYAKAN	SYARAT
1	Capai umur persaraan wajib	● 55 tahun atau tertakluk kepada undang-undang bertulis
2	Pencen disebabkan keuzuran/sakit	● Disahkan oleh Lembaga Perubatan
3	Pencen kecederaan dan cacat anggota	● Khas untuk pasukan keselamatan ★ Alami kecederaan/kecacatan semasa bertugas ★ Pencen yang diterima oleh balu/tanggungan
4	Pencen balu dan anak-anak yatim	● Dibayar oleh mana-mana skim pencen yang diluluskan
5	Pencen-pencen politik	● Capai umur 55 tahun ● Berhenti disebabkan keuzuran

Skim pencen bukan kerajaan perlu mendapat kelulusan LHDNM untuk pengecualian cukai atas pencen yang diterima oleh pekerja setelah bersara

Pendapatan Pesara Yang Dikenakan Cukai

- Pendapatan perniagaan
- Pendapatan penggajian
- Pendapatan dividen, faedah dan diskaun
- Pendapatan sewa, royalti dan premium
- Anuiti dan bayaran berkala yang diterima
- Pendapatan-pendapatan lain

Bersara Secara Pilihan

Jika pekerja memilih bersara secara pilihan sebelum umur wajib bersara (55 tahun) atau bersara tidak disebabkan keuzuran/sakit, pencen yang diterima adalah dikenakan cukai sehingga mencapai umur 55 tahun

Tanggungjawab Selepas Bersara

Pesara-pesara masih mempunyai tanggungjawab untuk melapor pendapatan dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan, jika menerima pendapatan-pendapatan yang dikenakan cukai